

500 peserta hadiri Seminar Islam Rahmatan Lil'Alamin

KUALA KETIL - Seramai 500 peserta hadir ke Seminar Islam Rahmatan Lil'Alamin yang berlangsung di Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Kedah, baru-baru ini.

Naib Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Kedah, Hazwan Syah Niezam Haniff berkata, objektif program itu untuk mempromosikan idea Islam sebagai agama rahmat dan kasih sayang (Rahmatan Lil Alamin), berbanding pendekatan kekerasan dalam memperkenalkan dan menelakkan Islam kepada dunia.

Menurutnya, ia juga bertujuan mendidik dan meyakinkan masyarakat tentang keupayaan dan kemampuan Islam dalam mendepani realiti dan masalah yang wujud dalam kehidupan bermasyarakat dan negara terutamanya berkaitan sistem pemerintahan dan masalah ma-



Hazwan Syah (lima, kiri) bersama pembentang kertas kerja dan barisan anggota ABIM yang lain.

syarakat berbilang kaum.

"Seminar berkenaan turut membincangkan punca-punca penglibat-

an belia Islam dalam kegiatan ekstremis berdasarkan hujah intelektual dan mencadangkan langkah-lang-

kah mengatasi bersifat praktikal, katanya.

Program itu anjuran ABIM de-

ngan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah.